



12 JUN, 2024

Pegawai kastam cedera tertembak ketika sesi latihan

Sinar Harian, Malaysia



Pegawai kastam cedera tertembak ketika sesi latihan

BUKIT MERTAJAM - Seorang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang dilaporkan cedera selepas dipercayai terkena tembakan dalam kejadian pada Selasa.
Difahamkan, kejadian berlaku kira-

kira jam 9 pagi, ketika mangsa menghadiri latihan menembak yang dianjurkan oleh jabatan itu.
Mangsa yang cedera dibawa ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) untuk rawatan lanjut.
Sementara itu, Ketua Polis Pulau

Pinang, Datuk Hamzah Ahmad ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan memaklumkan, siasatan lanjut sedang dijalankan.
"Ya, benar kejadian berlaku tadi (Selasa), setakat ini kita terima laporan

seorang sahaja cedera dan sedang dirawat di hospital," katanya.
Hamzah berkata, pihak Polis sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung insiden tersebut dan akan mengeluarkan kenyataan sebaik proses itu selesai.



12 JUN, 2024

Pegawai kastam cedera tertembak ketika sesi latihan

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Seorang sahaja cedera dan sedang dirawat di hospital,” katanya. Hamzah berkata, pihak Polis sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung insiden tersebut dan akan mengeluarkan kenyataan sebaik proses itu selesai.

BUKIT MERTA JAM - Seorang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang dilaporkan cedera selepas dipercayai terkena tembakan dalam kejadian pada Selasa. Difahamkan, kejadian berlaku kira-kira

jam 9 pagi, ketika mangsa menghadiri latihan menembak yang dianjurkan oleh jabatan itu.